

10 JAN 2002

MAHATHIR-EURO/I

MAHATHIR: ASIA TIMUR TUNTUT HAK SAMA SEPERTI EU UNTUK BUAT KEPUTUSAN SENDIRI

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Sebagaimana negara-negara Eropah mempunyai hak untuk bekerja bersama-sama, negara-negara Asia Timur juga harus menikmati hak untuk membuat keputusan mereka sendiri sebagai satu kumpulan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

"Adalah jelas, kita tidak sampai ke peringkat apabila kita bebas membuat keputusan-keputusan yang baik bagi diri kita sendiri," beliau berkata semasa penyampaian wang-wang kertas dan duit siling euro kepada beliau oleh ketua-ketua misi anggota-anggota Kesatuan Eropah (EU) di Malaysia di pejabatnya di sini.

"Di Asia Timur, kami mahu satu forum biasa di mana kami boleh berbincang di antara satu sama lain tetapi kami diberitahu jangan berbincang kepada satu sama lain kecuali orang lain turut hadir," tambah beliau.

Percubaan-percubaan untuk menghalang orang-orang Asia Timur daripada berbincang kepada satu sama lain, tambahnya, masih dilakukan dan pertubuhan-pertubuhan baru dicadangkan supaya mengatasi sebarang pertubuhan yang membabitkan orang-orang Asia Timur sahaja.

Dalam menyambut penyampaian euro oleh Duta Sepanyol Alvaro Iranzo (presiden semasa majlis EU di Malaysia), Dr Mahathir berkata euro dijangka tertonjol dengan ketara di dalam perdagangan antarabangsa dan bahawa Malaysia boleh berniaga lebih dengan EU.

Katanya Malaysia mahu melihat bagaimana euro berjaya kerana terdapat saranan-saranan supaya Asia Timur sebagai satu kumpulan barus mempunyai "matawang tunggalnya" sendiri.

Bagaimanapun, tambah beliau ini hanya akan dijadikan kenyataan dalam ajnka panjang kerana euro sendiri mengambil masa 50 tahun untuk wujud anakala Eropah sebagai entiti ebrsatu adalah juga lebih pelbagai dalam ciri-cirinya.

Iranzo menyifatkan ide mempunyai satu sistem matawang tunggal di Asia Timur sebagai berpandangan luas dan mulia tetapi mengingatkan bahawa terdapat lebih banyak keutamaan penting seperti keperluan mencapai kerharmonian ekonomi dan integrasi terlebih dahulu di rantau ini.

Menurut Iranzo, euro diterima baik berikutan penerimaan pakainya oleh 12 negara anggota EU pada awal tahun ini apabila 10 bilion wang kertas Euro dan 50 bilion duit siling Euro memasuki pengedaran.

Katanya euro akan menjadi alternatif kepada dolar AS (sebagai satu matawang bersama) dan menjelang 2010, kira-kira 30 hingga 40 peratus daripada pelaburan dan pembiayaan antarabangsa akan dibuat dalam unit-unit euro.

Iranzo berkata euro akan menjadi matawang tunggal yang sah diperlakukan di seluruh kawasan euro atau "zon" menjelang Mac manakala United Kingdom, Denmark dan Sweden (yang memilih untuk mengekalkan matawang-matawang negara mereka) mungkin menyertai sistem itu pada tarikh terkemudian.

Faedah-faedah berdagang dalam matawang tunggal itu, katanya, termasuk hakikat bahawa firma-firma Malaysia yagn berurusan dengan negara-negara Eropah akan selepas ini perlu berurusan dengan satu sistem matawang tidak sebaliknya 12 sistem matawang berlainan.

"Euro akan mempermudah membuat perbandingan harga bagi produk-produk serupa yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat di negara-negara berlainan manakala kemasukan ke EU akan lebih mudah bagi banyak perusahaan-perusahaan

kecil dan sederhana Malaysia yang mungkin kekurangan keupayaan untuk memasuki banyak pasaran secara individu," jelas Iranzo.

"Kecekapan ekonomi keseluruhan juga akan ditingkatkan disebabkan pengurangan kos, tekanan kadar tukaran dan komisyen dan persaingan yang meningkat.

"Pelancong-pelancong Malaysia ke Eropah akan juga mendapat manfaat kerana mereka akan perlu menukar wang mereka hanya sekali." -- BERNAMA

SHO SEL OS